

07 MAY 1998

G15-Sekretariat (Prebiu)

DAPATKAH G-15 ADAKAN SEKRETARIAT TETAP?

Oleh: Azman Ujang

KAHERAH, 7 Mei (Bernama) -- Selepas tujuh tahun dan kini masuk sidang kemuncak kelapan yang akan bermula di sini Isnin ini, G-15, sebuah kumpulan yang telah diperbesarkan kepada 16 buah negara membangun di Selatan, masih belum mempunyai sebuah sekretariat yang tetap.

Sesetengah negara mahu ia diwujudkan tetapi kebanyakannya dipercayai menentanginya.

Bagaimanapun sama ada ia akan mempunyai sekretariat tetap atau tidak, ia tetap menjadi agenda perbincangan di sidang kemuncak di ibu negara Mesir ini oleh para pemimpin Algeria, Argentina, Brazil, Chile, Mesir, India, Indonesia, Jamaica, Kenya, Malaysia, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Venezuela dan Zimbabwe.

G-15 mengadakan sidang kemuncaknya setiap tahun. Malah sidang kemuncak kali ini di Kaherah merupakan "yang paling cepat" diadakan, tidak pun sampai enam bulan selepas sidang kemuncak yang lepas di Kuala Lumpur. Kenya diterima masuk dalam kumpulan itu di Kuala Lumpur.

Semasa sidang kemuncak Kuala Lumpur, Malaysia selaku pengerusi, ditugaskan untuk menyediakan satu kertas kerja mengenai kemungkinan menubuhkan sebuah sekretariat tetap bagi kumpulan itu, satu forum bagi dialog Selatan-Selatan dan bagi dialog antara negara Selatan yang membangun dan Utara yang maju.

"Kertas kerja Malaysia itu akan menghuraikan baik-buruknya mempunyai sekretariat seumpama itu," kata Ketua Setiausaha Kementerian Luar Datuk Abdul Kadir Mohamed.

Negara-negara khususnya India, yang menyokong penubuhan sekretariat seumpama itu, berhujah bahawa ia penting untuk meningkatkan fungsi dan kemampuan kumpulan.

Tetapi difahamkan bahawa Malaysia puas hati dengan Kumpulan Sokongan Teknikal yang sedia ada daripada mempunyai sebuah sekretariat tetap.

Bagi mereka yang mahu ditubuhkan sekretariat pula menyatakan perlunya sebuah badan untuk meningkatkan kerjasama perdagangan dan ekonomi di kalangan negara anggota agar lebih bersepadu.

Tetapi bagi mereka yang menentang penubuhannya berkata ia akan hanya membiakkan karenah birokrasi.

Malaysia, menurut sumber-sumber G-15 di sini tidak pernah menyokong pewujudan sebuah sekretariat tetap kerana ia merasakan ia lambat laun akan membawa kepada wujudnya karenah birokrasi yang akan membantut kemajuan kumpulan itu sendiri.

Malahan seorang pegawai di sini membuat kesimpulan: "Jika kita mempunyai sebuah sekretariat tetap, banyak masa akan terbuang untuk memilih siapa yang akan menjadi setiausaha agung pertama dan seterusnya pegawai-pegawai lain".

Dengan mengadakan satu lagi sidang kemuncak G-15 dalam masa yang singkat mungkin sebenarnya bermakna tuan rumah Presiden Hosni Mubarak telah menunaikan janji yang dibuatnya semasa persidangan di Kuala Lumpur pada November lepas.

Pada mulanya ia telah diputuskan bahawa Jamaica akan menjadi tuan rumah bagi sidang kemuncak tahun ini pada penghujung tahun tetapi negara itu menolaknya kerana ia dijadualkan mengadakan pilihan raya umum pada masa itu.

Presiden Mubarak "secara sukarela" menawarkan diri untuk menjadi tuan rumah bagi sidang kemuncak ini lebih awal berikutan perkembangan mendadak

yang berlaku dalam sistem kewangan antarabangsa ekoran krisis ekonomi yang melanda Asia sejak Julai tahun lepas.

Jadi dalam agenda persidangan kali ini ialah perbincangan mengenai kajian semula perkembangan dalam pasaran kewangan antarabangsa, satu konsep yang diutarakan oleh Malaysia, salah sebuah negara Asia Tenggara yang terjejas teruk oleh kegawatan pasaran kewangan.

Sumber-sumber di sini berkata sejak itu, konsep bagi kajian semula seumpama itu telah diterima dan mendapat sokongan di peringkat antarabangsa termasuk Tabung Kewangan Antarabangsa dan Bank Dunia.

Adalah juga difahamkan sesetengah pemimpin G-15 berminat untuk mengemukakan cadangan supaya seorang wakil peribadi kumpulan itu memberikan taklimat sendiri pada sidang kemuncak negara-negara maju Kumpulan Tujuh (G-7) yang dijadualkan akhir tahun ini di Birmingham.

Tetapi sumber-sumber berkata adalah tidak mungkin G-7, seperti juga G-15, kini mempunyai satu lagi anggota tambahan iaitu Russia, akan setuju untuk membenarkan wakil peribadi G-15 mengadakan taklimat di sidang kemuncaknya.

Sebagai gantinya, sesetengah pemimpin G-15 termasuk Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Hosni Mubarak telah mengambil daya usaha untuk berkomunikasi dengan Perdana Menteri Britain Tony Blair, yang mempengerusikan sidang kemuncak G-7 akan datang, mengenai perlunya untuk mengambil kira pandangan dan masalah negara-negara membangun.

Malaysia, menurut sumber-sumber itu, sentiasa mempunyai pandangan mengenai perlunya diadakan perundingan Utara-Selatan, setelah belajar daripada pengalaman lampau apabila G-7 menetapkan kadar pertukaran bagi yen Jepun, yang menyebabkan Malaysia terpaksa menanggung beban hutang berlipat kali ganda dalam nilai yen bagi pinjaman luarnya.

Para pegawai kanan kumpulan itu memulakan mesyuarat mereka hari ini untuk menyediakan agenda bagi sidang kemuncak yang akan disusuli oleh mesyuarat menteri-menteri perdagangan esok dan menteri-menteri luar pada hari Sabtu sebelum berlangsungnya sidang kemuncak itu.

-- BERNAMA

AU oba